

MANUSIA, BUDAYA DAN JATIDIRI

OLEH .

ZAINAL ABIDIN BORHAN.

MANUSIA, BUDAYA DAN JATIDIRI

Oleh

Zainal Abidin Borhan
Jabatan Sosio-Budaya Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya

Setiausaha
Penyelidikan Budaya Muzium Negara
N. Sembilan D. Khusus

1.0 Konsep Kebudayaan (Budaya)

A.L. Kroeber dan Clyde Kluckhohn (1952) telah mengumpulkan lebih kurang 161 definisi tentang kebudayaan. Di dalam kumpulan tersebut, secara umumnya dapat dikategorikan kepada beberapa pendekatan.

Pendekatan pertama ialah pendekatan deskriptif, dengan menekankan kepada isi atau *contents* kebudayaan, seperti yang telah dibuat oleh E.B. Taylor (1871) yang terkenal dengan maksud budaya sebagai keseluruhan yang kompleks yang di dalamnya terkandung ilmu pengetahuan, kepercayaan, seni, hukum, moral, adat istiadat, dan lain-lain kemampuan serta kebiasaan yang diterima oleh masyarakat.

Pendekatan kedua melihat budaya secara historikal, yang menekankan kepada warisan sosial dan tradisi, seperti Park dan Burgess (lihat Kroeber dan Kluckhohn) yang menyebut bahawa budaya sesuatu masyarakat adalah keseluruhan organisasi dari warisan sosial yang diterima sebagai suatu yang bermakna, yang dipengaruhi oleh watak dan sejarah hidup sesuatu bangsa.

Pendekatan yang ketiga menggunakan pendekatan normatif, yang memberi perhatian kepada peraturan, cara hidup, ide atau nilai-nilai dan perilaku. R. Linton (Lihat Kroeber & Kluckhohn) menyatakan bahawa budaya sesuatu masyarakat adalah suatu pandangan kehidupan dari sekumpulan ide-ide dan kebiasaan yang dipelajari, dimiliki, dan diwariskan dari generasi ke generasi. Pendekatan keempat ialah pendekatan psikologi, yang memperlihatkan persoalan penyesuaian diri (*adjustment*) dan proses belajar. Kluckhohn sendiri menyatakan bahawa budaya terdiri dari semua proses belajar dalam sesuatu masyarakat.

Pendekatan struktural juga dikemukakan, dengan menekankan kepada aspek pola dan organisasi kebudayaan. Turney (lihat Kroeber & Kluckhohn) menyatakan bahawa budaya ialah tindakan dan kesatuan aktiviti sadar manusia yang berfungsi membentuk pola-pola umum untuk mendapatkan penemuan-penemuan, baik yang material maupun yang non-material.

Ada juga pendekatan yang melihat budaya sebagai produk, alat-alat, benda-benda atau pun ide dan simbol. Dalam konteks ini budaya adalah proses dinamis dan produk dan pengolahan diri manusia dan lingkungannya untuk mencapai matlamat individu dan masyarakat.

Dari pendekatan-pendekatan di atas pengertian budaya sangat luas, tetapi yang penting ialah budaya adalah persoalan pokok mengenai manusia. Kebudayaan adalah produk manusia, dan adanya kebudayaan kerana manusia. Kebudayaan berpusat pada fikiran dan hati manusia (C. Geertz, 1973:11). Geertz sendiri menyatakan bahawa apa yang perlu dilakukan ialah mencari makna (semiotic) budaya. Kebudayaan juga adalah aktiviti pemikiran manusia (R. Williams, 1981:11).

Manusia hidup di dalam kebudayaan, dan perkembangan manusia dibentuk oleh kebudayaan itu sendiri. Pada waktu lahir manusia tidak dapat mengurus dirinya, ia dibudayakan oleh manusia yang mengurus kebudayaan, yang kelak mempengaruhi pandangan hidupnya. Manusia hidup di dalam alam yang serba budaya, dan dalam budayalah manusia dibentuk, dibesarkan, memberi identiti (jatidiri) sosial dan budayanya.

Fikiran dan orientasi kehidupan manusia terhadap realiti kehidupan selalu mengalami perubahan, sejajar dengan perubahan yang berlaku di dalam kehidupan manusia, sama ada disebabkan oleh faktor alamiah, seperti usia, maupun faktor alam sekeliling - sosial, ekonomi, politik dan pendidikan.

Lantaran itu budaya dapat dilihat dari dua tahap, iaitu, kebudayaan sebagai satu persoalan proses, dan, kebudayaan sebagai satu produk. Di dalam tahap produk, kebudayaan wujud sebagai (i) gagasan, konsep atau fikiran, (ii) aktiviti, (iii) benda-benda (lihat Koentjaraningrat, 1974:15). Kebudayaan dapat juga merupakan penjelmaan dari nilai-nilai, iaitu teori (ilmu), ekonomi, seni, kuasa (politik), agama dan *social solidarity* (lihat Takdir Alisjahbana, 1974:171-175).

Melihat kebudayaan sebagai dinamik, pada dasarnya meletakkan budaya sebagai satu *process*, iaitu suatu usaha dan upaya dari manusia untuk menjawab pelbagai cabaran pada tahap perkembangan manusia. Untuk menghadapi cabaran, manusia memerah seluruh potensinya, baik secara individu maupun berkelompok. Di peringkat ini kreativiti manusia berkembang. Di dalam tahap ini kebudayaan adalah proses yang tidak pernah selesai, kerana cabaran selalu dihadapi.

Kebudayaan adalah usaha untuk menyatakan tentang kewujudan manusia di dalam kehidupan. Manusia adalah "lapangan eksistensi" (kewujudan), (Van Peursen,

1983:182), manusia dapat dibaca dan difahami di dalam konteks kebudayaan. Kewujudan dapat dibaca dari pemikiran dan aktiviti yang mewujudkan pemikirannya. Lantaran itu, kebudayaan sesungguhnya merupakan *totality* hidup manusia. Kebudayaan sebagai satu proses tidak lain adalah proses *humanization* atau menjadi manusia itu manusia.

Oleh kerana kehidupan manusia sering berubah (*dinamis*), maka kebudayaan sebagai proses kewujudan diri juga mengalami perubahan, sejajar dengan perubahan dalam masyarakat. Jatuh bangun sesebuah masyarakat adalah jatuh bangun sesuatu kebudayaan.

2.0 Persoalan Aktiviti Budaya

Aktiviti budaya adalah kegiatan yang melibatkan persoalan fizikal manusia dalam proses mewujudkan gagasannya dalam kehidupan bermasyarakat. Aktiviti budaya bukan sekadar memenuhi tuntutan keperluan asas, tetapi dirancang, dipertimbang, dan disedai sepenuhnya akan hasil serta akibatnya.

Aktiviti budaya tidak terlepas dari usaha dan upaya untuk mencipta sesuatu menjadi lebih bermakna, terutama sekali untuk menjadikan hidup yang lebih baik dan bermakna. Aktiviti budaya sebagai aktiviti fizikal yang disedai, dimengerti, dirancang berkait erat dengan nilai-nilai, atau orientasi nilai. Aktiviti budaya tidak sahaja mencipta nilai terhadap karya budaya, tetapi juga tenkat dengan nilai-nilai baik estetika, logika dan etika.

Di dalam kehidupan bermasyarakat baik buruk seseorang ditentukan oleh perbuatannya. Jika perbuatan seseorang buruk maka buruklah peribadi atau personalitinya, sebaliknya, jika perbuatan seseorang baik maka baiklah peribadinya. Setiap peribadi akan bertanggungjawab ke atas setiap perbuatan yang dilakukannya, baik di hadapan sesama manusia, maupun di hadapan Tuhannya kelak.

Justeru itu perbuatan manusia di dalam kehidupan tidaklah bebas. Kebebasan seseorang dibatasi oleh kebebasan orang lain. Setiap perbuatan manusia selalu berhadapan dengan penilaian baik dan buruk, tidak ada perbuatan manusia yang bebas nilai kecuali perbuatan orang yang tidak sihat akal.

Dalam pembentukan kebudayaan, perbuatan atau kerja merupakan usaha dari akal. Akal bekerja untuk cuba memahami dan mencari kebenaran, melalui fikiran yang memikirkan alam, manusia dan sejarah; sedangkan hati (*qalbu*) cuba memahami komunikasi sejati antara manusia dengan Tuhannya, cuba memahami *sunnatullah* kehidupan alam semesta atau hukum alam. Lantaran setiap aktiviti atau

perbuatan tidak dapat dipisahkan dari akal, baik fikiran maupun hati (qalbu) kerana akal alat memikir manakala hati alat merasa (perasaan) atau alat intuisi.

Setiap perbuatan pada dasarnya ada yang bersifat kreatif, kerana di dalamnya tersimpan proses penciptaan. Dalam tahap perbuatan kreatif ini terjadi hubungan yang dialektik antara manusia dengan alam sekitar, dengan memilih bahan yang akan diolah dan dibentuk. Dari bentuk, manusia memberi nilai, baik nilai yang intrinsik atau nilai kegunaannya. Produk tersebut juga mempunyai makna kerana menjadi simbol kepada masyarakat.

Perbuatan kreatif tidak dapat dipisahkan dengan nilai-nilai, sama ada nilai estetik, etika dan logika. Melalui nilai estetik, setiap benda dilihat indah, cantik dan simbolik. Nilai etika untuk meletakkan landasan moraliti kepada setiap usaha kreatif. Nilai logika menyusun konsep yang dapat diterima akal.

3.0 **Jatidiri Manusia**

Untuk memahami jatidiri manusia, perlu dilihat siapa itu manusia. Ibn Sina menyatakan manusia terdiri dari dua bahagian, badan dan jiwa, badan akan rosak (mati) sedangkan jiwa tidak, dan ia akan memperoleh kebahagiaan melalui jiwa yang bersih, begitu juga Al-Farabi yang membahagi manusia kepada badan dan jiwa. Sedangkan Al-Ghazali memandang pribadi manusia sebagai kombinasi roh dan badan.

Pandangan yang dualistik tentang manusia yang merujuk susunan diri manusia hanya terdiri dari dua unsur, iaitu jasmani dan rohani. Pandangan ini juga berkembang di dalam pemikiran Barat, Descartes juga menjelaskan bahawa manusia terdiri dari tubuh (*body*) dan jiwa (*soul*). *Body* adalah *substance* yang tidak berfikir sedangkan *soul* adalah *substance* yang berfikir.

Walaupun para ilmuwan di atas memperlihatkan bahawa manusia itu dualistik, namun pada pendapat saya dualisme itu bukan dualisme yang saling berlawanan tetapi saling melengkapi dan saling integratif sesuai dengan kewujudan manusia itu sendiri.

Manusia dalam konteks insan adalah manusia yang berakal yang memainkan peranan sebagai subjek kebudayaan dalam pengertian ideal, begitu juga manusia sebagai subjek yang menghasilkan pelbagai produk di dalam aktiviti fizikalnya. Manusia berperanan membentuk kebudayaan, kerana kebudayaan tidak dapat terpisah dari penggunaan akal serta perbuatan manusia di dalam kehidupan.

Lantaran itu dualisme manusia tidak terpisah, tetapi sebagai satu kesatuan yang menyatukan kemampuan akal dengan kemampuan tindakan.

Begitu juga manusia adalah wakil Tuhan dan juga hamba Tuhan. Sebagai wakil dan juga sebagai hamba, bukanlah satu hal yang bertentangan tetapi satu kesatuan yang tidak terpisahkan. Manusia dari awal kejadian ada potensi potensi yang lahiriah dan batiniah, sesuai dengan anugerah akal dan qalbu oleh Tuhan kepada manusia. Di sebalik dari jati diri yang insani ini, kita dapati manusia juga memiliki jati diri sosio budaya seperti mana diperolehi dari proses pembudayaan dan pengmasyarakatan. Manusia dipanggil manusia, atau di dalam konteks Melayu dikonsepsikan 'orang' bukannya 'hantu' atau binatang. 'Orang' adalah konsepsi yang berasaskan etika dan moraliti.

Seorang manusia yang tahu jati diri, yang tahu atau kenal dirinya dapat memenuhi tuntutan kehidupan bukan untuk tujuan keseronokan (*sensate*), tetapi sebagai tuntutan keagamaan, membolehkan manusia itu mendapat gelar atau memiliki martabat, dajal, harkat sebagai manusia, iaitu yang mampu mengguna seluruh potensi akal dan qalbunya untuk membina kehidupan yang sejahtera, harmonis, rukun, aman dan damai.

4.0 Manusia dan Kebudayaan

Di atas kesedaran dan keinsafan bahawa manusia adalah teras dan fokus kehidupan dan kebudayaan, maka manusia itu tidak dapat memisahkan dirinya dengan keseluruhan kewujudan yang ada di alam ini.

Manusia berinteraksi dengan Tuhan. Interaksi dan komunikasi ini diatur oleh agama, dan agama mengajar bagaimana mahu melakukan komunikasi sejati dengan Tuhan, seperti solat, berdoa, beribadat, zikir dan sebagainya. Hubungan antara manusia dengan Tuhan adalah sebagai hubungan antara Pencipta dan ciptaanNya; maka kedudukan manusia adalah lebih rendah daripada Tuhan, lantaran itu Al-Quran menganjurkan kepada manusia supaya patuh dan taat kepada Tuhan dan begitu juga agama-agama lain. Hubungan manusia dengan Tuhan adalah hubungan yang kreatif dan etika. Hubungan kreatif dalam proses pembentukan kebudayaan sebagai wakil Tuhan. Sedangkan hubungan etika dalam proses kebudayaan, adalah kepatuhan dan ketundukan manusia kepada perintah Tuhan, kerana manusia adalah hambaNya.

Kenyataan kehidupan juga membuktikan bahawa manusia tidak mampu hidup sendirian. *Manusia perlu berinteraksi dengan manusia lain.* Untuk hidup manusia

memerlukan kewujudan orang lain. Manusia memerlukan kerjasama, tolong menolong antara sesama manusia. Secara kolektif dengan kesatuan fikiran, manusia mampu menghadapi pelbagai cabaran dari luar atau dalam.

Setiap manusia atau bangsa, mempunyai tradisi, cara berfikir dan cara hidup berlainan. Tradisi, cara berfikir dan cara hidup adalah kebudayaan. Sesungguhnya tinggi rendah sesuatu kebudayaan sangat berhubungan dengan etika atau moraliti.

Begitu juga kewujudan manusia tidak terlepas dan berinteraksi dengan alam, atau alam sekeliling. Kenyataan menunjukkan bahawa hidup manusia sepenuhnya bergantung kepada alam. Sebagai khalifah, manusia diharapkan memakmurkan bumi, mengerjakan segala sumber bumi. Menurut Al-Quran, alam ini milik Tuhan, kerana Tuhan yang menciptakannya. Manusia adalah sebahagian dari alam itu sendiri, kerana manusia dicipta dari apa yang ada di alam ini. Pembentukan kebudayaan pada dasarnya tidak dapat dipisahkan dari alam, kerana untuk mewujudkan kemakmuran dan kesejahteraan di muka bumi. Kebudayaan pada dasarnya berkembang sebagai usaha manusia, dengan memanfaatkan segala sumber dari alam.

5.0 Kesimpulan: Hidup Berbudai sebagai Jatidiri Bersama

Manusia dan masyarakat Malaysia khususnya sedang (mungkin pada tanggapan saya) menghadapi dilema budaya. Pelbagai tentangan luaran dan dalaman dihadapi kesan dan proses globalisasi (mungkin *westernization*) yang disalur dengan sistematis lagi halus melalui pelbagai wahana untuk menyampaikan dakwah dan dakyah mereka. Penguasaan terhadap teknologi media dan informasi maklumat adalah suatu yang positif, tetapi jika disalahgunakan, membolehkan berlakunya kemusnahan orientasi budaya kita.

Dari semenjak merdeka (1957), usaha telah dibuat untuk mewujudkan satu bangsa Malaysia, melalui satu sistem pendidikan; satu bahasa (bahasa kebangsaan); satu budaya; memiliki lambang-lambang bersama dan nilai bersama; selepas 1971 usaha integrasi sosial dan nasional dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan sosio-ekonomi; di samping integrasi melalui sosio-politik. Kini dasar liberal dan keterbukaan mungkin akan melambatkan proses pembentukan satu bangsa Malaysia yang memiliki satu jati diri, satu bahasa dan satu budaya.

Di mana-mana sahaja rakyat Malaysia berbangga kerana negara ini maju, *industrialised*, tanpa menyedari bahawa pendekatan ekonomi itu tidak semestinya kekal selama-lamanya. Bangsa Malaysia perlu memiliki satu kekuatan dalaman dan

luaran, kekuatan lahir dan batin. Kita boleh berbangga dengan kekuatan ekonomi (fizikal atau lahir) tetapi bagaimana pula dengan paksi kekuatan dalaman, yang perlu berasaskan kekuatan sejarah, orientasi nilai dan etika.

Kebanggaan melampau terhadap kemajuan ekonomi boleh menjurus kita terlalu memikirkan tentang dunia. Kita bekerja, berkarya dengan memikirkan ganjaran dunia sahaja. Sehingga kita boleh terperangkap dalam hidup yang hedonistik, *conspicuous consumption*, terlalu *affluence*, mewah dan boros berbelanja. Kita mula dikabur dan terpesona lagi ternoda oleh material dunia. Kita juga sedang menghadapi dilema budaya seperti "kehilangan punca, kehilangan arah, kehilangan makna, kehilangan jati diri, tidak mengetahui akar umbi, tidak tahu asal-usul, lepak, bohsia, dadahi, dan rasuah dan sebagainya."

Dalam konteks kertas kerja ini saya cuba menarik perhatian kepada budaya Melayu. Wadah yang mengikat struktur dalaman budaya Melayu ialah Adat Melayu dan agama Islam. Kedua-dua bukan sahaja boleh wujud sendirian, bukan sahaja dualistik, tetapi diintegrasikan ke dalam satu wadah, iaitu wadah Melayu. Wadah yang integratif ini dapat dilihat secara luaran apabila kita membuka Periembagaan Malaysia tentang definisi Melayu yang bergabung bersama Bahasa Melayu. Di Malaysia dan di Alam Melayu, Melayu sudah sinonim dengan Islam, struktur inilah yang memberi jati diri wadah dalaman Melayu, dan menjadi teras keseluruhan budaya Melayu.

Dalam kehidupan seharian Melayu, ada sistem nilai tertinggi, iaitu satu etika yang mendasari hubungan sosial (*social-relation*) Melayu yang dinamakan *budi*. Jika nilai secara universal merupakan faktor yang menggerak, mempengaruhi perlakuan, tindakan malah emosi manusia, maka budi ialah satu tenaga yang menjana individu Melayu berfungsi sebagai anggota masyarakat dan budaya.

Persoalan budi berkait rapat dengan *conscience*, kesedaran, katahati, perasaan, rasa, hati (*qalbu*), berhati perut. Budi ialah satu keseluruhan sifat, sikap, pemikiran, pengucapan, perlakuan dan akhlak yang menjelaskan persoalan dalaman manusia. Budi adalah pancaran nilai yang utama yang telah menetapkan apakah corak akhlak dan nilai manusia.

Kepada orang Melayu, seorang yang berbudi ialah seorang yang beragama, bertaqwa, dan, taqwa adalah unsur budi yang tertinggi, berbudi kepada Tuhan/Allah dalam segala tuntutan syariat Islam. Seorang yang berbudi ialah orang yang

berilmu, bijak, pandai, mengetahui, mengerti berpengalaman dan berakal, seperti kata pantun Melayu;

*Penakik pisau diraut,
ambil galah batang lintabung,
seludang jadikan nyiru,
setitik jadikan laut,
sekepal jadikan gunung,
alam terkembang jadikan guru.*

Seorang yang berakal ialah seorang yang mengguna akal-budi, dan merasa atau perasa kepada kepentingan orang lain, sentiasa memikirkan dengan pertimbangan yang adil. Oleh kerana kita (manusia) hidup bermasyarakat setiap tindakan harus mengguna *akal-budi* dan *budi-bicara*, bukan ikut perasaan, ikut nafsu, tetapi memiliki pertimbangan yang waras, adil dan bijaksana.

Seorang yang berbudi ialah orang yang memiliki bahasa yang santun, sopan atau *berbudi bahasa*. Seorang yang berbudi ialah orang yang beradab, berkelakuan sopan, tertib, beradab, tahu malu, dikenali sebagai *berbudi pekerti*. Manusia Melayu yang memiliki nilai ini dikatakan *manusia budiman* yang melambangkan *a total personality, a perfect gentlemen*. Dari seorang manusia inilah lahir *masyarakat budiman*. Konsep budi yang dinyatakan di atas ialah asas kemanusiaan Melayu yang bukan sahaja *self-centered, man-centered* tetapi juga berpaksikan ketuhanan (*God-centered*). Orang Melayu memahami bahawa mereka perlu berbudi kepada Tuhan; berbudi kepada alam (tanah) untuk tujuan berbakti atau beribadat kepada Tuhan; berbudi kepada alam (tanah) untuk tujuan memakmurkan bumi; berbudi kepada kedua ibu-bapa, kepada keluarga, kepada masyarakat, bangsa dan negara.

Sebagai satu *total concept*, penerapan nilai budi menghasilkan satu manusia Melayu yang halus, bermati mulia, berakal bijaksana, beradab sopan, beradat, tahu membalas budi dan cukup ajar. Namun begitu orang Melayu sedar bahawa setiap budi yang ditabur mereka tidak mengharap dibalas atau budinya dibayar. Orang yang berbudi ialah watak contoh, *watak mithali*, jadi ikutan, jadi teladan, jadi sebutani.

Orang yang berbudi ialah orang yang banyak menabur jasanya kepada manusia dan masyarakat. Orang yang berbudi ialah orang yang memahami persoalan masyarakat, memahami hati nurani masyarakat. Budi seseorang amat tinggi nilainya seperti emas.

*"hutang emas boleh dibayar,
hutang budi di bawa mati".*

Budi adalah satu-satunya ikatan yang erat, lebih erat dari darah dalam pergaulan hidup. Dalam hidup ada orang *menabur budi* dan ada orang *terhutang budi*, seperti *reciprocity*, balas membalas, sumbang-menyumbang, abadi,

*"Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga,
Hancur badan dikandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga"*

Seperti kata perbilangan Melayu Riau tentang orang berbudi

*"Yang menelung tidak berhalangan
tidak terhalang dek hari gelap
tidak terhalang dek hari panas
yang jauh dijenguk-jenguk
yang dekat dijalar-jalar
tidak memandang bangsa orang
tidak menghitung harta orang"*

Seperti kata pantun Melayu,

*"Ramai orang di Kuala Sawah,
Masak nasi jangan hangit,
Sedikit budi bukannya mudah,
Seberat budi di antara langit."*

*Tegak rumah kerana sendi,
Runtuh sendi rumah binasa,
Sendi bangsa ialah budi,
Runtuhtlah budi runtuhtlah bangsa."*

*Dinibut runduklah padi,
Dicupak Datuk Temenggung,
Hidup kalau tidak berbudi,
Duduk tegak berdin canggung."*

Namun dalam hidup moden ini budi kadangkala tidak dilihat penting, budi kepada seselengah kita tidak bermakna lagi, budi diambil alih oleh emas, seperti kata pantun

Melayu;

*Penat sudah ku taman ubi,
Nenas juga ditanam orang,
Puas sudah ku tanam budi,
Emas juga dikenang orang"*

Pantun di atas menerangkan perubahan masyarakat, seolah-olah segala-galanya boleh dibeli, dibayar dan material mengatasi segala-galanya

Orang Melayu mengisi hidup bermakna dengan berbudi dan berjasa. Maka kehidupan kepada orang Melayu ialah persoalan hidup berbudi, sebagai teras keseluruhan *social-relation* mereka; bukan sekadar sesama manusia, tetapi juga kepada alam/bumi dan juga kepada Tuhan/Allah.

Budi ialah landasan humanisme Melayu, moraliti dan etika Melayu. Dari kehalusan budi terpancar pelbagai karya dan kerja seni yang halus. Budi juga merupakan kekuatan potensi diri manusia Melayu, yang mampu meletakkan manusia ke daulat, martabat dan harkat tertinggi. Budi berperanan memberikan kita identiti sebenar manusia. Identiti manusia budiman dan identiti masyarakat budiman, menjadikan kita manusia.

Segala dilema yang dihadapi orang Melayu kini mungkin disebabkan kita tak kenal, kita mula menghancurkan, mula menghapuskan *hati-budi* Melayu. Kita gantikan dengan *hati-budi* orang lain, khususnya barat yang tidak berpaksikan ketuhanan. Anak-anak muda kita hidup tanpa budi, seperti kata pantun Melayu;

*Masuk pajak keluar pajak
Pakai baju koyak rabak
Kalau tak dengar cakap mak bapak
Kaki lima badan tercampak*

Hidup ini perlu diisi dengan kebijaksanaan mengaturnya, kebijaksanaan menyusunnya. Seperti kata pepatah Melayu;

*"Rosak kelapa kerana salah kukur
Rosak manusia kerana salah atur".*

Hidup yang penuh teratur ialah hidup penuh berbudi, hidup yang penuh hikmah. Marilah kita bersama dalam usaha mengangkat martabat Melayu dan Malaysia amnya, kita semarakkan semula hidup berbudi, hidup berjasa, sebagai makna kehidupan kita. Semarakkan semula *budi* sebagai pandangan dunia (*weltanschauung*) dan pandangan hidup (*lebensschauung*) Melayu dan Malaysia yang abadi.

**Mengaji dari alif
Membilang dari esa
Berkata dari asal
Asal-usul jangan ditinggalkan".*